



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENGLIBATAN MASYARAKAT DESA DALAM AKTIVITI
PENYULUHAN AGAMA ISLAM DI SUMATERA UTARA,
INDONESIA**

IRWAN NASUTION

FPP L 1996 12

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENGLIBATAN MASYARAKAT DESA DALAM AKTIVITI
PENYULUHAN AGAMA ISLAM DI SUMATERA UTARA,
INDONESIA**

Oleh:

IRWAN NASUTION

**PUSAT PENGEMBANGAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENGLIBATAN MASYARAKAT DESA DALAM AKTIVITI
PENYULUHAN AGAMA ISLAM DI SUMATERA UTARA,
INDONESIA**

**Oleh:
Irwan Nasution**

**Tesis Dikemukakan sebagai Memenuhi Sebahagian
Keperluan untuk Ijazah Master Sains
di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia**

Januari 1996



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu penulis mengucapkan puji dan syukur ke hadirat Allah SWT atas rahmat dan kurnia yang telah diterima selama ini sehingga dapat menyelesaikan pengajian pada peringkat Master. Demikian pula selawat dan salam penulis sampaikan ke atas junjungan Nabi Besar Muhammad SAW.

Pada kesempatan ini penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang sebanyak-banyaknya kepada Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Nasir Ismail, sebagai Pengurus Jawatan Kuasa Penyeliaan, Dr. Bahaman Abu Samah dan Dr. Maimunah Ismail sebagai ahli Jawatan Kuasa Penyeliaan terhadap bimbingan, bantuan dan tunjuk ajar sehingga penyelidikan dan penulisan tesis ini dapat disempurnakan.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara, dan para Timbalan Rektor, Dekan Fakulti Tarbiyah IAIN Sumatera Utara-Medan. Pengarah, Timbalan Pengarah dan semua pensyarah serta para pegawai yang terlibat di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan,

Universiti Pertanian Malaysia yang telah memberikan segala galakan dan sokongan kepada penulis semasa mengikuti Program Master Sains.

Penghargaan dan ucapan terima kasih ini juga disampaikan kepada Kerajaan Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programme) yang telah memberikan biasiswa kepada penulis. Demikian pula kepada semua rakan-rakan yang tidak dapat disebutkan namanya satu persatu, yang telah memberi bantuan dan sokongan selama mengikuti pengajian ini.

Teristimewa, penulis mengenang jasa allahyarham ayahanda dan kepada bonda, penulis mengucapkan jutaan terima kasih. Tidak lupa kepada allahyarham kedua-dua mertua atas bimbingan dan doa yang diberikan sepanjang hayat mereka sehingga penulis dapat menyelesaikan pengajian ini.

Penghargaan dan terima kasih yang tiada terhingga penulis sampaikan kepada isteri tercinta Dra. Deliwati bersama anakanda tersayang Erwin Zuhri Nasution di atas segala doa, pengorbanan, dorongan, ketabahan dan kesabaran yang diberikan selama tempoh pengajian.

Semoga Allah SWT mencucuri rahmat-Nya kepada kita semua.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB I PENGENALAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	9
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Batasan Kajian	12
Definisi Istilah	13
II SOROTAN LITERATUR	14
Pembangunan Masyarakat	14
Pendidikan Masyarakat	22
Aktiviti Penyuluhan Agama	28
Pendidikan Dewasa	32
Pengertian Pendidikan Dewasa	34
Penglibatan Masyarakat	40
Kesimpulan	48
III METODOLOGI KAJIAN	49
Kerangka Konsepsi Kajian	49

	Muka surat
Angkubah Bersandar	53
Angkubah Bebas	57
Hipotesis Kajian	59
Lokasi Kajian	60
Populasi dan Sampel	62
Populasi	62
Sampel	63
Pengumpulan Data	65
Analisis Kajian	67
 IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	 70
Latar Belakang Responden	71
Jantina dan Umur	71
Tahap Pendidikan	73
Pekerjaan	75
Pendapatan Bulanan	77
Motivasi Masyarakat terhadap Aktiviti	
Penyuluhan Agama	80
Sikap Masyarakat terhadap Aktiviti	
Penyuluhan Agama	85
Tanggapan Masyarakat terhadap Aktiviti	
Penyuluhan Agama	89
Pelaksanaan Aktiviti Penyuluhan Agama	95
Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti	
Penyuluhan Agama	99
Menguji Hipotesis	106
 V RINGKASAN DAN KESIMPULAN	 117
Ringkasan	117
Masalah	117
Objektif Kajian	118
Metodologi Kajian	119
Hasil Kajian	120

Muka surat

Latar belakang responden	120
Faktor psikologi	120
Faktor Pelaksanaan	121
Hipotesis	122
Kesimpulan	124
Cadangan	126
Cadangan Kajian Akan Datang	127
RUJUKAN	129
LAMPIRAN	134
BIODATA	144

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1. Pecahan Jumlah Penduduk Mengikut Agama yang Dianut dan Daerah	63
2. Hasil Uji Kebolehpercayaan Pengukuran Motivasi, Sikap dan Tanggapan masyarakat Terhadap Aktiviti Penyuluhan Agama	67
3. Umur Responden	72
4. Tahap Pendidikan	75
5. Pekerjaan Utama	76
6. Pecahan Jenis Pekerjaan Sampingan Mengikut Pekerjaan Utama	77
7. Pendapatan Bulanan	78
8. Perbelanjaan Bulanan	79
9. Motivasi terhadap Aktiviti Penyuluhan Agama	80
10. Klasifikasi Motivasi terhadap Aktiviti Penyuluhan Agama	83
11. Sikap terhadap Aktiviti Penyuluhan Agama	85
12. Klasifikasi Sikap terhadap Aktiviti Penyuluhan Agama	88
13. Tanggapan terhadap Aktiviti Penyuluhan Agama	90
14. Klasifikasi Tanggapan terhadap Aktiviti Penyuluhan Agama ..	93
15. Tanggapan terhadap Kenyataan "Menambah Pengetahuan Agama Boleh Dilakukan tanpa Mengikuti Aktiviti Penyuluhan Agama	94

Muka surat

Muka surat

16. Usaha Masyarakat Menambah Pengetahuan Agama selain Mengikuti Aktiviti Penyuluhan Agama	95
17. Tempat Aktiviti Penyuluhan Agama	95
18. Tempat Pelaksanaan Aktiviti Penyuluhan Agama yang Disenangi Masyarakat	97
19. Pelajaran Agama yang Menjadi Pilihan Masyarakat	98
20. Kaedah Penyampaian Bahan Pelajaran	99
21. Tahap Kehadiran Masyarakat Mengikuti Aktiviti Penyuluhan Agama dalam 6 bulan Terakhir	100
22. Halangan Masyarakat Mengikuti Aktiviti Penyuluhan Agama	101
23. Keaktifan Masyarakat Mengajukan Soalan ketika Mengikuti Aktiviti Penyuluhan Agama	103
24. Tahap Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Penyuluhan Agama	105
25. Hubungan Latar Belakang Responden dengan Penglibatannya dalam Aktiviti Penyuluhan Agama	107
26. Analisis varian antara Tahap Pendidikan dan Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Penyuluhan agama	109
27. Analisis varian antara Pekerjaan Utama dan Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Penyuluhan agama	110
28. Analisis varian antara Pekerjaan Sampingan dan Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Penyuluhan agama	111
29. Hubungan Faktor Psikologi dengan Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Penyuluhan Agama	112
30. Analisis varian antara Tempat Aktiviti Dilaksanakan dan Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Penyuluhan agama ...	114

Muka surat

- | | |
|--|-----|
| 31. Analisis varian antara Kaedah Penyampaian Bahan Pelajaran dan Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Penyuluhan Agama | 115 |
| 32. Perbezaan Jantina terhadap Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Penyuluhan Agama | 116 |

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1. Model Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Pendidikan Dewasa	50
2. Kerangka Konsepsi Penglibatan Masyarakat Desa dalam Aktiviti Penyuluhan Agama	53
3. Peta Lokasi Kajian pada Tiga Kabupaten di Propinsi Sumatera Utara, Indonesia	61

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENGLIBATAN MASYARAKAT DESA DALAM MENGIKUTI
AKTIVITI PENYULUHAN AGAMA ISLAM DI SUMATERA
UTARA, INDONESIA**

OLEH

IRWAN NASUTION

JANUARI 1996

Pengerusi : Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Nasir Ismail

Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan masyarakat desa dalam mengikuti aktiviti penyuluhan agama Islam di Sumatera Utara, Indonesia, serta tahap penglibatan mereka dalam aktiviti tersebut.

Bagi mencapai tujuan ini, sebanyak 278 borang soal selidik dari masyarakat luar bandar di tiga Kabupaten yang terdapat di Sumatera Utara, iaitu Langkat, Deli Serdang dan Tapanuli Tengah, telah dianalisis secara statistik deskriptif. Kajian ini juga menggunakan kaedah korelasi

'Pearson product moment', 'oneway analysis of variance' dan 't-test' untuk menguji hipotesis.

Hasil kajian secara umumnya menunjukkan bahawa motivasi, sikap dan tanggapan masyarakat luar bandar kepada aktiviti penyuluhan agama adalah memberangsangkan. Ini bermakna bahawa aktiviti penyuluhan agama mendapat sokongan dari masyarakat, dan bersetuju bahawa aktiviti penyuluhan agama adalah salah satu aktiviti yang boleh mempertingkatkan pengetahuan agama mereka.

Manakala faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan masyarakat desa dalam mengikuti aktiviti penyuluhan agama secara signifikan adalah tahap pendidikan, pendapatan, pekerjaan, tempat pelaksanaan aktiviti penyuluhan agama, jadual pelaksanaan aktiviti yang selalunya bersamaan dengan waktu bekerja, dan kaedah penyampaian penyuluhan agama. Manakala tahap penglibatan mereka pula, didapati masih pada paras sederhana.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**FACTORS AFFECTING PARTICIPATION IN ISLAMIC
EXTENSION ACTIVITIES IN A RURAL COMMUNITY IN
NORTH SUMATERA, INDONESIA**

BY

RWAN NASUTION

JANUARI, 1996

Chairman : Assoc. Prof. Dato' Dr. Mohd. Nasir Ismail

Faculty : Centre for Extension and Continuing Education

The objectives of the study were to identify factors affecting the participation of rural community in extension activities of Islamic religion and its levels of participation in North Sumatera, Indonesia.

To achieve the objectives of the study, 278 questionnaires on the rural communities in three regencies, i.e. Langkat, Deli Serdang and Tapanuli Tengah were analyzed utilizing descriptive statistics such as Pearson Product Moment, Oneway Analysis of Variance and t-test.

The results of the study showed that motivation, attitude and perception of the rural community on the extension activity of Islamic religion were satisfactory. This means that the extension activities were supported by the rural community. The study also revealed that the factors affecting the participation of rural community in extension activity of Islamic religion were education and income levels, occupation, place of activities, schedule, and method of presentation. The level of their participation was moderate.

BAB I

PENGENALAN

Latar Belakang

Pembangunan masyarakat luar bandar merupakan sebahagian daripada pembangunan negara. Ianya selaras dengan matlamat kerajaan untuk mencapai pembangunan secara menyeluruh. Dengan kata lain, pembangunan yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan mempertingkat taraf ekonomi masyarakat luar bandar, malahan untuk kesejahteraan masyarakat dalam kehidupan sosial dan budaya. Masyarakat disarankan supaya lebih peka dan dapat melibatkan diri dalam proses pembangunan secara berterusan.

Proses pembangunan fizikal, mental dan spiritual haruslah seimbang demi mengelakkan kepincangan dari aspek-aspek tersebut. Tidak kira sama ada yang dilaksanakan di bandar maupun di luar bandar.

Proses pembangunan yang berorientasikan usaha mempertingkatkan kesejahteraan di bidang ekonomi, seperti yang telah

dilaksanakan selama jangka masa pembangunan 25 tahun pertama, telah memberikan kesan dan perubahan sosial yang sangat luas dan mendalam kepada masyarakat.

Perubahan sedemikian adalah kesan dari pelaksanaan sistem pengangkutan, komunikasi, dan pendidikan yang telah dapat memenuhi keperluan rakyat Indonesia. Seterusnya memudahkan mereka berinteraksi dan mengeratkan hubungan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Fenomena ini pula telah mempercepatkan proses individualisasi di kalangan masyarakat (Krastawan dan Parera, 1990).

Penduduk Indonesia seramai 179,321.641 (banci tahun 1990), dengan majoriti tertumpu di kawasan luar bandar merupakan input pembangunan yang sangat besar jika dapat diperkembang dan dipertingkatkan kemampuan dan kemahiran mereka. Berdasarkan faktor inilah kerajaan Indonesia menjadikan aspek pembangunan manusia sebagai isu dalam melaksanakan pembangunan jangka panjang peringkat kedua.

Wilson (1973), memperkatakan bahawa sumber manusia yang berada di kawasan luar bandar merupakan suatu aset dan potensi yang besar dalam menyokong pelaksanaan pembangunan. Potensi sumber

manusia ini boleh ditingkatkan melalui proses pendidikan dengan cara meningkatkan motivasi dan kemahiran yang sedia ada.

Pembangunan sumber manusia sebagai faktor penting dalam pelaksanaan pembangunan memang sangat kompleks. Dari segi dalaman manusia itu sendiri, seperti dari aspek mental, motivasi, wawasan berfikir dan pendidikan, begitu juga dari segi luaran yang dapat mempengaruhi faktor dalaman manusia, seperti sistem sosial yang berlaku, institusi yang ada, dan sebagainya, mempunyai masalah tersendiri dalam proses pembangunan manusia.

Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan dan kemahiran masyarakat dapat ditingkatkan melalui pendidikan sebagaimana disarankan oleh Wilson. Kerana melalui pendidikan seseorang akan dapat memanusiakan dirinya sendiri serta masyarakat.

Lackey dan Dershem (1992), memperkatakan bahawa pembangunan masyarakat adalah lebih dari pada sebuah program, malahan ia merupakan satu proses pendidikan di mana anggota masyarakat saling berinteraksi untuk mencapai kesenangan dan kepuasan yang dihajati pada masa sekarang dan akan datang.

Pembangunan sumber manusia melalui pendidikan merupakan antara satu dari pada aspek yang perlu dilaksanakan ke arah melahirkan kemampuan dan kemahiran. Seterusnya ia akan mampu mengadakan interaksi sosial antara individu dengan individu yang lain, dan antara individu dengan pakar.

Dengan demikian pembangunan masyarakat yang berteraskan pendidikan meliputi pengertian yang luas. Ia tidak sahaja meliputi pemindahan pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga pendidikan mental dan moral masyarakat, sehingga ia dapat mengawal dirinya dan keluarganya serta dapat bekerjasama sesama anggota masyarakat demi mewujudkan sebuah perkampungan yang sihat.

Pembangunan sumber manusia dalam kajian ini, lebih difokuskan kepada pelaksanaan pendidikan agama kepada masyarakat, kerana agama adalah sumber ajaran dan pedoman dalam kehidupan manusia. Ia tidak hanya mengajar tata hubungan manusia dengan Tuhan, tetapi juga mengatur tata hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar. Secara ideal, agama hendaklah dijadikan sebagai pedoman bagi semua bentuk kegiatan yang dilaksanakan oleh penganutnya.

Firman Allah SWT dalam Surah Al An'am ayat 38 yang maksudnya: "Dan kami turunkan kepadamu kitab yang menerangkan

tiap-tiap sesuatu dan sebagai petunjuk dan rahmat serta khabar gembira bagi orang-orang yang muslim."

Pendidikan dan bimbingan agama kepada masyarakat baik secara formal maupun tidak formal sebenarnya telah lama dilaksanakan di Indonesia. Sejak zaman penjajahan Belanda, pengajaran dan penyebaran ajaran agama Islam adalah menjadi tanggungjawab pendakwah, seperti Ulama dan Kiyai di sekitar kawasan mereka. Penyebaran agama ini seterusnya meluas ke daerah-daerah lain melalui penuntut yang telah tamat pengajian dengan Kiyai atau Ulama tersebut.

Selepas merdeka pendidikan dan bimbingan agama kepada masyarakat terus dilaksana dan diperkembangkan. Dalam pendidikan formal, pelajaran agama merupakan mata pelajaran wajib dan mesti lulus. Pendidikan dan bimbingan agama secara tidak formal juga semakin berkembang di tengah-tengah masyarakat.

Seterusnya selepas peristiwa pemberontakan G 30 S/PKI (Gerakan 30 September Partai Komunis Indonesia) pada tahun 1965, pihak kerajaan mempertingkatkan lagi program ini. Ketika itu dua matlamat yang ingin dicapai melalui penyuluhan agama; pertama, memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa ajaran komunisme yang atheis tidak sesuai untuk kehidupan masyarakat di bumi Indonesia. Kedua, jiwa

Pancasila yang hidup dalam kalbu bangsa dan rakyat Indonesia harus diperkuat ketahanan mental dan rohaniahnya dengan taqwa kepada Tuhan Yang Maha Esa agar tidak terumbang-ambing oleh ideologi dan cara hidup tanpa agama.

Ekoran daripada keprihatinan terhadap peranan para penyuluhan agama, melalui Kementerian Agama, kerajaan mengeluarkan surat keputusan (Keputusan Menteri Agama No.79 tahun 1985) tentang peningkatan pemberian ganjaran kepada para petugas penyuluhan agama yang dilantik oleh pemerintah. Surat keputusan ini juga menjelaskan bahawa peranan petugas penyuluhan agama tidak terbatas kepada membimbang masyarakat dalam bidang keagamaan sahaja, tetapi juga memberikan penjelasan tentang proses pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Aktiviti penyuluhan agama biasanya dilaksanakan di masjid dan di rumah-rumah penduduk oleh kumpulan-kumpulan pengajian yang dibentuk sendiri oleh masyarakat, dan pada upacara memperingati hari-hari mulia dalam Islam. Pada masa ini, hampir di setiap kampung terdapat kumpulan-kumpulan pengajian masyarakat yang disebut dengan istilah 'Majlis Taklim' yang melaksanakan aktivitinya dalam bidang keagamaan dan kemasyarakatan.

Penglibatan masyarakat dalam aktiviti keagamaan merupakan suatu fenomena yang sihat dalam mempercepatkan pencapaian matlamat pembangunan masyarakat, kerana banyak manfaat yang mereka perolehi daripadanya. Yanoov (1986), menyebut bahawa masyarakat akan memperolehi faedah tertentu dari pada penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang terdapat disekitar mereka. Antara faedah tersebut ialah:

1. Terciptanya perasaan kekitaan, rasa memiliki ataupun identiti yang sama;
2. Adanya komitmen terhadap norma dan institusi yang ada;
3. Adanya keinginan untuk bertangungjawab pada dirinya sendiri dan pada orang lain;
4. Terhasil kemampuan mengkoordinasikan pelbagai macam aktiviti sosial dalam mempertingkat pendapatan melalui kerjasama antara keluarga dan organisasi/institusi lainnya.

Faedah berganda yang akan diterima masyarakat melalui penglibatan mereka dalam setiap aktiviti, telah diuji oleh Grieshop (1984) dalam kajian yang dilaksanakannya tentang kesan positif daripada penglibatan masyarakat dalam aktiviti perkebun kecil. Hasil kajiannya mendapati 64% daripada respondennya menyatakan bahawa mereka

memperoleh pengetahuan baru berbanding apa yang mereka perolehi selama mengikuti program yang sebenarnya.

Penemuan dari pada kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat dalam sesuatu aktiviti akan dapat memberi manfaat yang berganda. Penglibatan secara mental dan emosi seseorang dalam sesuatu kumpulan akan mendorongnya untuk memberikan sumbangan terhadap pencapaian matlamat serta berkongsi rasa tanggungjawab di antara anggota kumpulan (Davis: 1967).

Namun, Lackey dan Darshem (1992) memberi amaran bahawa penglibatan masyarakat dalam sesuatu aktiviti, seperti penglibatan mereka dalam aktiviti penyuluhan agama, tidaklah langsung memberi jaminan bahawa mereka akan memperoleh keberkesanan yang berganda. Sebaliknya mereka akan memperoleh manfaat yang berganda jika penglibatan dalam aktiviti tersebut dapat mengujudkan interaksi dengan mereka yang berbeza tingkat pengetahuan dan kemahirannya.

Dengan demikian penglibatan seseorang dalam sesuatu aktiviti seharusnya meliputi tiga aspek utama, iaitu penglibatan mental dan emosi, sumbangan, dan tanggungjawab terhadap kumpulan.

Pernyataan Masalah

Aktiviti penyuluhan agama di Propinsi Sumatera Utara yang mempunyai 10,256,027 orang penduduk (banci tahun 1990), dan di antaranya sebanyak 6,291,687 orang (63.4 %) beragama Islam , terus berkembang dan berlanjutan. Ketika ini kegiatan penyuluhan agama tidak sahaja tertumpu di kawasan luar bandar, tetapi juga di kawasan bandar yang terdapat institusi-institusi pentadbiran. Fenomena ini menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat dalam aktiviti penyuluhan agama cukup baik.

Aktiviti penyuluhan agama, tidak sahaja dilaksanakan oleh pegawai di jabatan agama. Organisasi-organisasi sosial yang lain juga tidak ketinggalan, bahkan Golkar (Golongan Karya) sebagai organisasi politik terbesar di Indonesia turut membentuk satu kumpulan pengajian agama Islam yang dikenali sebagai kumpulan "Al Hidayah".

Pada dasarnya, dalam proses pembangunan masyarakat, aktiviti penyuluhan agama ini, menguntungkan semua pihak. Oleh itu, persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah:

1. Siapakah yang terlibat dalam aktiviti penyuluhan agama tersebut?